

## 2.2 Sejarah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan

@icebearawrr

- Sejarah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan bermula pada tahun 1877 hingga 1957
- Di Malaysia, badan perundangan dinamakan Parlimen yang berkuasa penuh membentuk undang-undang negara
- Sejak mencapai kemerdekaan, ahli Parlimen memainkan peranan meminda perlembagaan bagi menegakkan kedaulatan negara
- Di NNS terdapat Charter of Justice untuk melindungi penduduk
- Sementara itu, pembentukan undang-undang di negeri Melayu pula dimulai oleh Majlis Negeri Perak

1877

- Mesyuarat pertama Majlis Negeri Perak pada tahun 1877 yang dipengerusikan oleh Raja Muda Yusuf menjadi titik tolak kepada pembentukan undang-undang negara
- Majlis Negeri Perak berperanan untuk menggubal undang-undang bagi Negeri Perak
- Kemudiannya, peranan yang sama ini dimainkan oleh semua Majlis Negeri di Negeri Melayu yang lain

1946

- Undang-undang di NNS digubal oleh Majlis Undangan Negeri manakala undang-undang di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) digubal oleh Majlis Persekutuan
- Sementara itu, undang-undang di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB) pula digubal oleh Majlis Negeri





1948


- Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 merupakan titik penting pembentukan sebuah persekutuan yang terdiri daripada negeri-negeri Melayu, Melaka dan Pulau Pinang
- Antara kandungan yang terdapat dalam Persekutuan Tanah Melayu melalui pentadbiran, kuasa raja Melayu, perundangan dan kewarganegaraan

**NO  
BAD  
VIBES**

1957

- Suruhanjaya perlembagaan ini dikenali sebagai Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu atau Suruhanjaya Reid
- Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 disesuaikan dengan model Westminster yang diambil oleh Britain
- Perlembagaan ini berkuat kuasa sejurus selepas kemerdekaan pada 31 Ogos 1957
- Perlembagaan ini juga menjadi asas kepada perlembagaan negara kita pada hari ini



- Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 bermodelkan Westminster
  - Memandangkan negara kita mempunyai asas sistem perundangan bertulis, maka hal ini banyak membantu Malaysia menggubal sebuah perlembagaan bertulis
- 

@icebearawrr

